

Ubat rawat ulser, bukan untuk gugur kandungan

Sinar 23/9/14 MS 14.

SHAH ALAM - Siasatan Kementerian Kesihatan menunjukkan pil Cytotec yang didaftarkan untuk merawat ulser disalah guna dan dipasarkan sebagai ubat menggugurkan kandungan.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tablet itu merupakan produk berdaftar dengan nombor pendaftaran MAL19890225AR dan hanya boleh dijual klinik perubatan swasta dan farmasi sahaja.

"Tablet ini mengandungi Misoprostol 200 mcg, yang dikelaskan sebagai Racun Jenis B di mana ia boleh diperoleh di klinik swasta atau dengan preskripsi di farmasi.


"Kegunaan selain daripada rawatan ulser adalah tidak dibenarkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Dr Noor Hisham, penggunaan tablet Cytotec tanpa nasihat pengamal perubatan amat berbahaya dan penggunaan selain daripada rawatan ulser boleh membawa maut.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan juga tidak pernah melantik mana-mana syarikat atau orang perseorangan sebagai ejen bagi produk yang didaftarkan.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membeli produk ini di internet dan (daripada) orang perseorangan.

"Di samping menyalahi undang-undang, ketulenan dan kesahihan produk



Tablet Cytotec merawat ulser disalah guna untuk menggugurkan kandungan.

tersebut juga diragui," katanya.

Menurutnya, semua produk ubat-ubatan yang berdaftar di negara ini mempunyai dua ciri bagi memastikan ia dari sumber yang sah, iaitu nombor pendaftaran produk yang unik dan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan logo hologram pada kotaknya.

Dr Noor Hisham meminta orang awam membuat aduan terus

ke Kementerian Kesihatan supaya tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab serta membahayakan kesihatan awam.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan penjualan secara terbuka ubat menggugurkan kandungan di internet dan laman sosial walaupun pengguguran kandungan adalah salah di sisi undang-undang negara.